

<b>Headline</b>	<b>NCTF biayai 117 projek konservasi RM22.59j</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>05 May 2025</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Nasional</b>	<b>Circulation</b>	<b>82,252</b>
<b>Page No</b>	<b>14</b>	<b>Readership</b>	<b>246,756</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>335 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 11,135</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 33,405</b>



## NCTF biayai 117 projek konservasi RM22.59j

**Bukit Mertajam:** Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional (NCTF) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRSE) membiayai 117 projek konservasi membabitkan peruntukan RM22.59 juta.

Menterinya, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata daripada jumlah itu, 72 projek dalam peringkat pelaksanaan dengan komitmen pembentukan RM6.59 juta, manakala 35 telah selesai dengan peruntukan RM14.2 juta.

"Satu daripada projek yang selesai ialah Conservation of Seladang in the Royal Belum State Park (RBSP)- Temenggor Forest Reserve Complex, dilaksanakan pertubuhan bukan kerajaan Borneo Rhino Alliance (BORA) dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), diangkat ke mesyuarat Majlis Biodiversiti Negara Kedua.

"Mesyuarat itu telah mengiktiraf seladang sebagai spesies terancam yang mempunyai kepen-



Dr Ismail melihat majalah mengenai burung pada Majlis Penutup Bengkel Eksplorasi Biologi (AVIAN) bersama Komuniti Seberang Perai, semalam.  
(Foto BERNAMA)

tingan negara dan Pelan Pengurusan Konservasi Seladang akan dibangunkan bagi menstabilkan populasi haiwan itu," katanya dalam ucapan penutup Bengkel Eksplorasi Biologi (Avian) bersama Komuniti Seberang Perai di Cheruk Tokun di sini, semalam.

Teks ucapan Nik Nazmi dibacakan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perlutan Malaysia (FRIM), Datuk Dr Ismail Parlan.

Bengkel itu dilaksanakan hasil kerjasama antara Think City selaku penyumbang dana melalui Geran Pekan Seberang Perai

dengan NEST dan pelaksana serta Majlis Bandaraya Seberang Perai yang memberi sokongan dari segi perancangan bandar lestari.

Nik Nazmi berkata, data Kesatuan Antarabangsa bagi Pemuliharaan Alam Semula Jadi (IUCN) dan Perhilitan mendapati burung yang telah pupus sekitar 1960-an ialah merak hijau, manakala spesies berdepan ancaman kepupusan kuang gunung serta merak gunung.

Beliau berkata, puncak kepupusan ialah kehilangan habitat akibat pembalakan dan pembangunan, perdagangan haram burung eksotik serta pemburuan dan pemeliharaan haram sebagai haiwan peliharaan.

"Malaysia mempunyai 814 spesies burung dan daripada jumlah itu, 697 terdapat di Semenanjung, manakala 55 spesies adalah endemik dengan 48 daripadanya di Borneo (Sabah dan Sarawak).

"Burung berperanan penting

dalam menjaga keseimbangan alam sekitar, antaranya bertindak sebagai indikator kesihatan ekosistem dan jumlah serta jenis burung di sesuatu kawasan menunjukkan keadaan di situ sihat atau tercemar," katanya.

Sementara itu, Penyelaras Avian, Dr Siti Norasikin Ismail, berkata NEST sebelum ini bekerjasama dengan Shorebirds Peninsular Malaysia Project dalam menjalankan aktiviti permerhatian burung pantai dan usaha itu telah menarik perhatian peminat serta pengkaji burung dari pelbagai latar belakang, sekali gus menyemarakkan industri permerhatian burung di Seberang Perai.

Beliau berkata, bagi melengkapkan senarai spesies burung yang terdapat di Seberang Perai, NEST memulakan kajian menyenaraikan burung hutan di tiga lokasi utama iaitu Hutan Simpan Kekal Bukit Panchor, Hutan Simpan Air Hitam dan Hutan Simpan Bukit Mertajam.